



PELAKSANAAN E-INVOIS DI MALAYSIA
SOALAN LAZIM (FAQ) BAGI DERMA ATAU SUMBANGAN
(DIKELUARKAN PADA 7 JULAI 2025)

A. Umum

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Adakah e-Invois perlu dikeluarkan untuk derma atau sumbangan yang diterima?	e-Invois, sama ada e-Invois individu atau e-Invois disatukan, perlu dikeluarkan untuk derma atau sumbangan yang diterima, kecuali bagi keadaan berikut: (a) Institusi atau organisasi keagamaan yang ditubuhkan semata-mata bagi tujuan ibadat keagamaan atau pemajuan agama. (b) Mana-mana orang (tidak termasuk (a) di atas) yang menerima derma atau sumbangan yang tidak dikecualikan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Sila ambil perhatian bahawa pengecualian ini akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, jika institusi atau organisasi keagamaan di bawah (a) adalah: • Institusi, organisasi atau tabung (IOT) yang diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (termasuk kelulusan di bawah subseksyen 44(6), 44(6B), 44(11B), 44(11C) dan 44(11D); atau • menguruskan projek kebajikan atau komuniti yang diluluskan di bawah

Bil.	Soalan	Maklum Balas
		perenggan 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967; maka pengecualian ini tidak akan terpakai kepada institusi atau organisasi keagamaan berkenaan. Institusi atau organisasi keagamaan tersebut dikehendaki untuk mengeluarkan e-Invois bagi derma atau sumbangan yang diterima.
2.	Bagi orang yang dikehendaki mengeluarkan e-Invois untuk derma atau sumbangan yang diterima, apakah layanan e-Invois bagi derma atau sumbangan yang diterima dalam bentuk wang?	e-Invois, sama ada e-Invois individu atau e-Invois disatukan perlu dikeluarkan bagi setiap derma atau sumbangan dalam bentuk wang yang diterima tanpa mengambil kira kaedah pembayaran (contohnya, tunai, cek, pindahan bank, debit terus, pindahan kawat dan lain-lain). (1) Jika penderma meminta e-Invois Institusi atau organisasi dikehendaki mengeluarkan e-Invois individu kepada penderma. Sila rujuk Seksyen 3.5, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois individu. (2) Jika penderma tidak meminta e-Invois Institusi atau organisasi dikehendaki mengeluarkan e-Invois disatukan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas bulan tersebut berakhir, dengan menggabungkan nombor resit bagi semua derma atau sumbangan sekiranya tiada e-Invois individu dikeluarkan.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
		Sila rujuk Seksyen 3.6, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois disatukan.
3.	Apakah layanan e-Invois bagi derma atau sumbangan dalam bentuk barangan atau perkhidmatan (iaitu selain derma wang)?	Tiada e-Invois perlu dikeluarkan bagi derma dalam bentuk barangan atau perkhidmatan yang diterima daripada penderma.
4.	Adakah penderma dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi derma atau sumbangan yang diberikan kepada organisasi kebajikan yang tidak mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967?	Tidak, penderma tidak dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi derma atau sumbangan yang dibuat.
5.	Kami adalah institusi atau organisasi keagamaan yang menguruskan tempat ibadat dan juga menjalankan aktiviti lain (contohnya, jualan barangan atau penyediaan perkhidmatan). Adakah kami dikehendaki melaksanakan e-Invois?	Sebagai institusi atau organisasi keagamaan yang menguruskan tempat ibadat, e-Invois tidak perlu dikeluarkan bagi derma atau sumbangan yang diterima. Walau bagaimanapun, e-Invois perlu dikeluarkan bagi sebarang penjualan barangan atau penyediaan perkhidmatan yang dijalankan oleh institusi atau organisasi keagamaan tersebut.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
6.	Adakah orang yang tidak diluluskan pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri bagi barangan yang diimport dari luar Malaysia atau perkhidmatan yang diperoleh daripada pembekal asing?	Mana-mana orang termasuk institusi atau organisasi keagamaan dikehendaki mengeluarkan e-Invois bil sendiri sekiranya keadaan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 8.3, Garis Panduan Spesifik e-Invois terpakai kepada mereka.
7.	Adakah orang yang tidak mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dikehendaki memberikan maklumat mereka kepada pembekal sekiranya pembekal terlibat dalam aktiviti atau transaksi di mana pengeluaran e-Invois disatukan adalah tidak dibenarkan (contohnya, membeli kenderaan bermotor, mengupah kontraktor pembinaan, membeli bahan binaan dan lain-lain)?	Ya, mana-mana orang, tanpa mengambil kira sama ada mereka mendapat kelulusan pengecualian cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 atau tidak, dikehendaki memberikan maklumat mereka kepada pembekal bagi membolehkan pembekal dapat memenuhi tanggungjawab pematuhan e-Invois mereka.
8.	Bagi tujuan pendaftaran Nombor Pengenalan Cukai (TIN) dan e-Invois, apakah yang perlu digunakan sebagai Nombor Pendaftaran Perniagaan (BRN) bagi badan yang berdaftar dengan entiti berikut:	Badan yang berdaftar boleh menggunakan nombor pendaftaran yang diperoleh daripada ROS, SSM, BHEUU atau mana-mana badan pendaftar yang diiktiraf sebagai BRN bagi tujuan pendaftaran TIN dan pelaksanaan e-Invois.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
	i. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS); ii. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); iii. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU); atau iv. mana-mana badan pendaftar lain yang diiktiraf di Malaysia?	
9.	Apakah yang perlu digunakan sebagai BRN bagi badan yang tidak berdaftar untuk tujuan pendaftaran TIN dan pelaksanaan e-Invois?	Badan yang tidak berdaftar perlu menggunakan nombor sijil setem bagi dokumen pentadbiran (contohnya, perlembagaan, piagam dan lain-lain) yang telah disetemkan oleh LHDNM, sebagai BRN bagi tujuan pendaftaran TIN dan pelaksanaan e-Invois. Sila ambil perhatian bahawa nombor sijil setem hendaklah digunakan dan bukan nombor adjudikasi.

Bil.	Soalan	Maklum Balas
10.	Badan Agama Induk yang berdaftar boleh mempunyai beberapa cawangan di seluruh Malaysia. Sebahagian daripada cawangan ini menguruskan operasi dan kewangan mereka secara autonomi daripada ibu pejabat. Bolehkah cawangan tersebut mendaftar TIN yang berasingan untuk tujuan pelaksanaan e-Invois?	Tiada keperluan untuk setiap cawangan mendaftarkan TIN secara berasingan kerana cawangan boleh mengeluarkan e-Invois menggunakan TIN dan BRN ibu pejabat. Walau bagaimanapun, cawangan yang beroperasi secara bebas dan ingin mendaftar TIN mereka sendiri perlu menggunakan nombor sijil setem daripada dokumen pentadbiran masing-masing yang telah disetamkan (contoh, perlembagaan, piagam dan lain-lain) sebagai BRN. Sila ambil perhatian bahawa nombor sijil setem hendaklah digunakan dan bukan nombor adjudikasi.
11.	Adakah institusi atau organisasi diwajibkan untuk mendapatkan perisian atau sistem perakaunan bagi mengeluarkan e-Invois?	Institusi atau organisasi boleh terus menggunakan sistem perakaunan sedia ada untuk pengeluaran e-Invois, dengan syarat sistem tersebut mempunyai keupayaan untuk berbuat demikian. Sebagai alternatif, institusi atau organisasi boleh menggunakan Portal MyInvois yang disediakan oleh LHDNM secara percuma untuk mengeluarkan e-Invois.

B. IOT yang diluluskan

Bil.	Soalan	Maklum Balas
1.	Bagi IOT yang diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, resit rasmi bercetak (<i>pre-printed official receipts</i>) perlu dikeluarkan kepada penderma untuk derma atau sumbangan wang yang diterima untuk tujuan potongan cukai. Selepas pelaksanaan e-Invois, adakah IOT yang diluluskan perlu terus mengeluarkan resit rasmi bercetak kepada penderma?	Layanan pelaksanaan e-Invois adalah seperti berikut: (1) Jika penderma meminta e-Invois IOT yang diluluskan dikehendaki mengeluarkan e-Invois individu atas permintaan penderma. Pengeluaran resit rasmi bercetak bagi derma atau sumbangan tersebut tidak lagi diperlukan sekiranya e-Invois individu telah dikeluarkan kepada penderma. Tiada kelulusan awal daripada LHDNM diperlukan sekiranya IOT yang diluluskan mengeluarkan e-Invois yang mematuhi keperluan e-Invois yang ditetapkan. (2) Jika penderma tidak meminta e-Invois IOT yang diluluskan dikehendaki mengeluarkan resit rasmi bercetak kepada penderma, selaras dengan amalan semasa. Selain itu, IOT yang diluluskan juga dikehendaki mengeluarkan e-Invois disatukan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas bulan tersebut berakhir bagi semua derma atau sumbangan sekiranya tiada e-Invois individu dikeluarkan.
2.	Berdasarkan keadaan di atas, adakah IOT yang diluluskan dikehendaki mengeluarkan kedua-dua resit rasmi bercetak dan e-Invois bagi derma atau	Sekiranya e-Invois individu telah dikeluarkan, IOT yang diluluskan tidak dikehendaki mengeluarkan resit rasmi bercetak bagi derma atau sumbangan tersebut. e-Invois yang

Bil.	Soalan	Maklum Balas
	sumbangan wang yang diterima?	dikeluarkan boleh digunakan sebagai dokumen sokongan untuk tujuan percukaian.
3.	Bolehkah IOT yang diluluskan mengguna pakai sebarang format resit elektronik / e-Resit lain yang tidak mematuhi keperluan e-Invois seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan e-Invois dan Garis Panduan Spesifik e-Invois (iaitu, bukan e-Invois)?	IOT yang diluluskan dikehendaki mendapatkan kelulusan berasingan daripada LHDNM sekiranya ingin menggunakan resit elektronik atau e-Resit lain yang bukan merupakan e-Invois. Walau apa pun di atas, IOT yang diluluskan dikehendaki mengeluarkan e-Invois disatukan dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas bulan tersebut berakhir untuk semua derma atau sumbangan sekiranya tiada e-Invois individu dikeluarkan. Sila rujuk Seksyen 3.6, Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk panduan lanjut mengenai pengeluaran e-Invois disatukan.